



JAWATAN	: GURU BAHASA (GRED DG9PD)
SKIM PERKHIDMATAN	: GURU BAHASA (BAHASA INGGERIS)
KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	: TETAP (WARGANEGARA)
LOKASI	: UTM JOHOR BAHRU / UTM KUALA LUMPUR

GAJI:

Jadual Gaji Minimum-Maksimum	: RM2,250.00 - RM11,110.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	: RM225.00

ELAUN:

Imbuan Tetap Keraian	: RM300.00 sebulan
Imbuan Tetap Perumahan	: RM300.00 sebulan
Bantuan Sara Hidup	: RM300.00 sebulan

SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh permohonan;
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Pengajaran Bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,470.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai tahap pengalaman, kemahiran dan kemampuan mengajar dalam bahasa berkaitan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,470.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN BAGI JAWATAN GURU BAHASA:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan bahasa dalam Sijil Pelajaran Malaysia:-
 - a) Bahasa Melayu : Kepujian 1 hingga 4; dan
 - b) Bahasa Inggeris : Kepujian 1 hingga 4, atauCalon memperoleh skor dalam IELTS ≥ 6.0 , atau TOEFL iBT ≥ 60 atau TOEFL Essentials (online) ≥ 550 , atau MUET \geq Band 4, atau Common European Framework of Reference (CEFR) Mid B2, atau

Berkelulusan PhD/Sarjana/Sarjana Muda dari IPT Luar Negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar;

DAN

2. Mencapai CGPA ≥ 3.5 dalam Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Pengajaran Bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai tahap pengalaman, kemahiran dan kemampuan mengajar dalam bahasa berkaitan.

DAN

3. Memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal yang cemerlang, kelebihan kepada calon yang mempunyai pengalaman mengajar dalam Bahasa yang berkaitan (Bahasa Inggeris).

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Semua pemohon hendaklah menggunakan sistem permohonan jawatan (<https://mohonjawatan.utm.my/lantikanakademik>) serta melampirkan *Curriculum Vitae*, salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan yang telah DISAHKAN.
2. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang TIDAK LENGKAP akan menyukarkan proses saringan dan boleh dianggap sebagai tidak berjaya.
3. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga di peringkat Fakulti yang berkenaan.
4. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan / Badan-badan Berkanun / Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini.
5. Sekiranya tuan/puan tidak menerima sebarang jawapan dari pihak Universiti Teknologi Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan, permohonan tersebut boleh dianggap sebagai tidak berjaya.
6. PEROKOK ADALAH TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON.